

**PEMBANGUNAN KERANGKA MAKMAL FIQH DI UNIVERSITI AWAM
MALAYSIA**

WAN AINAA MARDHIAH BINTI WAN ZAHARI

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Sains
secara Penyelidikan**

**Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

OGOS 2015

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina kerangka Makmal Fiqh di Universiti Awam Malaysia. Objektif yang ingin dicapai adalah untuk mengenal pasti kaedah pembelajaran Fiqh berasaskan pengalaman yang terdapat di Universiti Awam Malaysia dan juga mengenal pasti keperluan kerangka Makmal Fiqh berinovatif berasaskan konsep Fiqh Islam seterusnya mencadangkan kerangka Makmal Fiqh berinovatif untuk subjek Fiqh Ibadah. Kajian ini melibatkan pelajar jurusan Fiqh dan Syariah di empat buah universiti awam; Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Kajian ini menggunakan gabungan antara pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Pendekatan kualitatif melibatkan penggunaan kaedah temubual yang dijalankan kepada 10 orang pakar dalam bidang Fiqh dan Syariah. Manakala pendekatan kuantitatif pula adalah dengan menggunakan kaedah tinjauan soal selidik kepada para pelajar jurusan Fiqh dan Syariah di USIM, UKM, UM dan UIAM. Kedua-dua kaedah ini digunakan untuk mengetahui pandangan responden terhadap cadangan penubuhan Makmal Fiqh untuk subjek Fiqh Ibadah di Universiti Awam Malaysia. Hasil data temubual dianalisis menggunakan analisis kandungan (*content analysis*). Manakala data tinjauan soal selidik pula dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)*. Hasil kajian utama menunjukkan 100% responden bersetuju dengan cadangan penubuhan Makmal Fiqh. Hasil dapatan adalah pembinaan 12 kriteria yang perlu ada pada Makmal Fiqh serta 3 cadangan langkah berjaga-jaga yang perlu diambil dalam Makmal Fiqh. Selain itu, 15 keperluan dan peralatan yang diperlukan dalam Makmal Fiqh dihasilkan di samping 6 ciri-ciri yang dapat membezakan Makmal Fiqh dengan makmal-makmal pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang lain turut dihasilkan.

ABSTRACT

This research is done to develop the Makmal Feqh's framework in Malaysian Public University. Hence, the objectives are to identify the method of experiential learning for the Feqh subject practiced in Malaysian Public University and also to know the needs for this Makmal Feqh and to suggest the best framework of Makmal Feqh. This research involves the students from USIM, UKM, UM and UIA. The methodology for this research is through the qualitative and quantitative approaches. The qualitative approach is used by having interview with 10 experts in Feqh and Shariah. The second approach is used by conducting the survey method to the Feqh and Shariah students. These two approaches are done to know the views and suggestions about the Makmal Feqh in the Malaysian High Education Institution. While the result from the interview is analysed using content analysis method. While result from the survey is analysed using *Statistical Package for Social Science (SPSS)*. The main result showed that 100% respondents agreed with the suggestion of Makmal Feqh. The result of this research is to know the 12 criterias of Makmal Feqh and also the needs that should exist in the Makmal Feqh. The uniqueness of Makmal Feqh from the other teaching and learning laboratories is also shown. The finding of this research showed 100% respondents agreed with the suggestion for Makmal Feqh. The findings are for developing 12 criterias that should be have for Makmal Feqh, 3 suggestion for safety precaution that should be taken for Makmal Feqh, 15 needs and tools that should be prepared for Makmal Feqh and 6 criterias distinguish Makmal Feqh from the other laboratories.

KANDUNGAN

| | | |
|--------------|---------------------------|--------------|
| | TAJUK | i |
| | PENGAKUAN | ii |
| | DEDIKASI | iii |
| | PENGHARGAAN | iv |
| | ABSTRAK | v |
| | KANDUNGAN | vii |
| | SENARAI JADUAL | xi |
| | SENARAI RAJAH | xvi |
| | SENARAI RINGKASAN | xvii |
| | SENARAI LAMPIRAN | xviii |
| | | |
| BAB 1 | Pengenalan | |
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Latar Belakang Kajian | 3 |
| | 1.3 Penyataan Masalah | 4 |
| | 1.4 Persoalan Kajian | 6 |
| | 1.5 Tujuan Kajian | 6 |
| | 1.6 Objektif Kajian | 6 |
| | 1.7 Skop Kajian | 7 |
| | 1.8 Kerangka Konsep | 8 |
| | 1.9 Novelti Kajian | 9 |
| | 1.10 Kepentingan Kajian | 10 |
| | 1.11 Definisi Istilah | 10 |
| | 1.12 Struktur Tesis | 11 |

| | | |
|--------------|---|----|
| BAB 2 | KAJIAN LITERATUR | |
| 2.1 | Pengenalan | 13 |
| 2.2 | Konsep Pendidikan Islam | 14 |
| 2.3 | Konsep Pengajian Islam | 17 |
| 2.4 | Proses Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) | 18 |
| 2.4.1. | Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Fiqh | 21 |
| 2.4.2 | Kaedah Dan Metod Pengajaran Dan Pembelajaran Fiqh Zaman Silam | 22 |
| 2.4.2.1 | Imam Abu Hanifah | 22 |
| 2.4.2.2 | Imam Malik | 25 |
| 2.4.2.3 | Imam Syafie | 25 |
| 2.4.2.4 | Imam Ahmad | 26 |
| 2.4.2.5 | Imam Ghazali | 26 |
| 2.4.2.6 | Ibnu Khaldun | 26 |
| 2.4.3 | Kaedah Dan Metod Pengajaran Dan Pembelajaran Fiqh Semasa | 29 |
| 2.5 | Konsep Fiqh Islám | 30 |
| 2.5.1 | Pengertian Fiqh | 30 |
| 2.5.2 | Perbezaan Antara Fiqh dan Syariah | 31 |
| 2.5.3 | Pembahagian Fiqh | 31 |
| 2.6 | Pembelajaran Berasaskan Pengalaman | 32 |
| 2.6.1 | Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Menurut Perspektif Islam | 32 |
| 2.6.2 | Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Menurut Barat | 34 |
| 2.7 | Makmal Fiqh | 46 |
| 2.7.1 | Definisi Makmal | 47 |
| 2.7.2 | Fungsi Makmal | 47 |
| 2.8 | Penubuhan Makmal Fiqh | 47 |
| 2.9 | Kesimpulan | 48 |

| | | |
|--------------|---|-----|
| BAB 3 | METODOLOGI PENYELIDIKAN | |
| 3.1 | Pengenalan | 50 |
| 3.2 | Kerangka Operasi Kajian | 53 |
| 3.3 | Reka Bentuk Kajian | 54 |
| 3.4 | Populasi Dan Sampel Kajian | 54 |
| | 3.4.1 Populasi | 54 |
| | 3.4.2 Sampel | 55 |
| 3.5 | Instrumen Kajian | 56 |
| | 3.5.1 Borang Soal Selidik | 56 |
| | 3.5.2 Temubual | 57 |
| 3.6 | Pengutipan Data | 58 |
| 3.7 | Kesahan Dan Kebolehpercayaan | 59 |
| | 3.7.1 Kesahan | 59 |
| | 3.7.2 Kebolehpercayaan | 59 |
| 3.8 | Analisis Data Kajian | 60 |
| | | |
| BAB 4 | HASIL DAN DAPATAN KAJIAN | |
| 4.1 | Pengenalan | 62 |
| 4.2 | Kajian Rintis | 62 |
| 4.3 | Dapatan Data Kajian | 63 |
| 4.4 | Objektif Satu (1): | 64 |
| | Menenal pasti konsep pembelajaran Fiqh berasaskan pengalaman yang terdapat di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia | |
| 4.5 | Objektif Dua (2): | 102 |
| | Menilai keperluan kerangka Makmal Fiqh berinovatif berasaskan konsep Fiqh Islam | |
| 4.6 | Objektif Tiga (3): | 122 |
| | Mencadangkan model kerangka Makmal Fiqh berinovatif untuk subjek Fiqh Ibadah | |
| 4.5 | Kesimpulan | 134 |

BAB 5 RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

| | | |
|------|--|-----|
| 5.1 | Pengenalan | 135 |
| 5.2 | Cadangan Penubuhan Inovasi Kerangka Makmal Fiqh | 135 |
| 5.3 | Rumusan Penyelidikan | 142 |
| 5.4 | Ulasan Persoalan Kajian | 143 |
| 5.5 | Ulasan Objektif Kajian | 144 |
| 5.6 | Limitasi Kajian | 146 |
| 5.7 | Sumbangan dan Implikasi Penyelidikan | 146 |
| 5.8 | Cadangan Kajian Akan Datang | 146 |
| 5.9 | Kesimpulan | 147 |
| 5.10 | Penutup | 147 |

RUJUKAN**LAMPIRAN**

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bidang Pengajian Islam adalah satu bidang yang penting untuk pembangunan sesebuah negara kerana ia berfungsi untuk menyeimbangkan proses pembangunan bagi menghasilkan kestabilan dan kelestarian sesebuah negara tersebut (Halatuju Pengajian Islam di Malaysia, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2010). Oleh itu, bidang pengajian ini haruslah diberi kedudukan yang sewajarnya terutamanya dalam aspek kurikulum, proses pengajaran dan pembelajaran, kualiti pelajar, tenaga pelajar, prasarana dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan Pengajian Islam.

Kepentingan Fiqh dan Syariah yang merupakan cabang ilmu dalam Pengajian Islam turut dinyatakan oleh Alias dan Rahimin yang telah memetik pendapat ulama Islam Kontemporari, Dr. Yusuf al-Qaradhawi (2000) dalam bukunya *Pembaharuan Fiqh Abad 21* dengan menyatakan bahawa Fiqh dan Syariah adalah salah satu cabang daripada ilmu Pengajian Islam yang bersifat dinamik, realistik dan sentiasa mengikut perkembangan semasa. Seterusnya beliau menjelaskan, ia seiring dengan ciri-ciri agama Islam itu sendiri yang bersifat *murunah* atau fleksibel serta bersesuaian untuk semua tempat dan masa. Sejajar dengan itu, Mahmood Zuhdi (1992) dalam bukunya *Sejarah Pembinaan Hukum Islam* menyatakan bahawa Fiqh dan Syariah juga memerlukan perubahan dan pembaharuan seiring dengan perkembangan sains dan teknologi. Oleh itu, kefahaman terhadap asas-asas serta prinsip ilmu Fiqh itu penting kerana hukum terhadap sesuatu isu berubah mengikut perubahan zaman. Hal ini bersesuaian dengan satu kaedah Fiqh yang menyatakan bahawa:

تغير الفتوى بتغير الزمان والمكان

Fatwa atau hukum berubah mengikut tempat atau masa

Oleh itu, pembaharuan yang dapat dilaksanakan dalam Fiqh ini dapat dilaksanakan dari segi kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan bukannya pembaharuan dari segi isi kandungan Fiqh. Salah satu pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sering dibincangkan dan diyakini keberkesannya ialah pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman atau *experiential learning*.

Menurut Lewis dan Williams (1994), pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman adalah pembelajaran melalui pengalaman atau pembelajaran dengan melakukannya. Kolb (1984) pula menjelaskan pembelajaran adalah proses menyeluruh yang diadaptasi kepada dunia sebenar. Pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman yang diperkenalkan oleh Kolb (1984) merupakan satu proses yang mana pelajar membina pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai daripada pengalaman langsung di luar persekitaran akademik tradisional. Pembelajaran melalui pengalaman merangkumi pelbagai aktiviti termasuk latihan, pembelajaran perkhidmatan, penyelidikan sarjana muda, pengalaman kerja-kerja lain yang kreatif dan profesional. Pembelajaran melalui pengalaman yang terancang, diselia dan dinilai dengan baik boleh merangsang tahap akademik dan intelektual pelajar dengan menggalakkan pembelajaran antara disiplin, penglibatan sivik, pembangunan kerjaya, kesedaran budaya, kepimpinan dan kemahiran profesional dan intelektual yang lain.

Pembelajaran yang dianggap sebagai 'pengalaman' sebagaimana dijelaskan oleh University Colorado, Denver (2011) mengandungi semua unsur-unsur berikut:

1. Refleksi, analisis kritikal dan sintesis;
2. Peluang kepada pelajar untuk mengambil inisiatif, membuat keputusan dan bertanggungjawab terhadap keputusan;
3. Peluang kepada pelajar untuk melibatkan diri secara intelektual, kreatif, emosi, sosial, atau fizikal;
4. Satu pengalaman pembelajaran yang direka dan termasuk kemungkinan untuk belajar daripada akibat semula jadi, kesilapan dan kejayaan.

Pendekatan dan konsep pembelajaran berasaskan pengalaman ini bertepatan dan sesuai untuk dipraktikkan dalam ilmu Fiqh yang memerlukan praktikal dan amali dalam kehidupan harian Muslim.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pengajaran dan pembelajaran (P&P) Pengajian Islam termasuk subjek Fiqh Ibadah masa kini kebanyakannya masih menggunakan teknik dan kaedah penyampaian secara tradisional melalui penyampaian ilmu melalui proses sehalu sahaja. Kenyataan ini disokong oleh kajian daripada Jabatan Pengajian Tinggi Malaysia (2010) yang menunjukkan bahawa penggunaan e-pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) Pengajian Islam masih di tahap yang rendah. Hal ini menyebabkan mereka tidak mampu menguasai pengetahuan yang dipelajari seterusnya memberi kesan kepada pelaksanaan pengetahuan dan ilmu tersebut dalam kehidupan seharian pelajar. Pengajaran dan pembelajaran secara tradisional memerlukan pelajar mempelajari maklumat dan fakta yang perlu dihafal semata-mata tanpa mengetahui cara praktikalnya yang betul kerana tiada pendedahan dalam pelaksanaan pengetahuan tersebut.

Namun, kini terdapat usaha yang dilakukan untuk memperbaharui kaedah dan metode pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam ilmu Pengajian Islam seperti pelaksanaan kaedah teknologi *Augmented Reality (Augmented Reality Technology)* dalam bidang Pengajian Islam (Norabeerah Saforrudin, Halimah Badioze Zaman & Azlina Ahmad, 2012) serta pelaksanaan kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL) dalam subjek Usul Fiqh. (Irwan Mohd Subri, Nursilah Ahmad, Abdul Manan Ismail & Azman Ab Rahman, 2007). Pendekatan-pendekatan inovatif seperti ini diyakini dapat menjadikan pelajar lebih aktif dalam pembelajaran serta dapat memahami pengetahuan seterusnya dapat melaksanakannya dalam kehidupan.

Subjek Fiqh Ibadah juga dilihat memerlukan pelaksanaan pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman dalam usaha untuk meningkatkan kefahaman pelajar terhadap ilmu tersebut seterusnya membolehkan pelajar mempraktikkan pengetahuan dalam kehidupan seharian.

Menurut Kamus Dewan (2007), makmal ialah tempat mengadakan percubaan atau penyelidikan segala sesuatu yang berhubung dengan ilmu sains seperti fizik, kimia dan lain-lain. Dalam Bahasa Inggeris, makmal diterjemahkan sebagai *laboratory* yang diertikan sebagai satu atau sebahagian bangunan atau tempat yang disediakan untuk menjalankan eksperimen saintifik, ujian, penyiasatan dan sebagainya untuk membuat bahan kimia, ubatan dan sebagainya (Dictionary.com).

Definisi ini jelas menunjukkan pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam makmal yang ada sekarang ini hanya mengfokuskan kepada ilmu sains semata-mata.

Berbeza halnya dengan pelajar yang mengikuti jurusan Syariah atau Pengajian Islam yang kebanyakannya tidak mampu untuk mempraktikkan apa yang telah dipelajari sepanjang pengajian. Situasi ini wujud kerana kurangnya atau mungkin tiada langsung ruang dan peluang untuk praktikal atau amali tentang ilmu tersebut.

Oleh itu, cadangan membangunkan makmal untuk jurusan Pengajian Islam adalah satu inisiatif kepada situasi tersebut terutamanya dalam mempelajari subjek Fiqh yang bukan sahaja memerlukan kefahaman bahkan aktiviti-aktiviti berbentuk fizikal yang boleh membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (P&P) sesuai dengan perkembangan teknologi masa kini.

1.3 Penyataan Masalah

Subjek-subjek Pengajian Islam seperti Fiqh kebanyakannya masih diajar melalui pendekatan teori yang melibatkan pendekatan sehalu melalui ceramah dan kuliah oleh guru atau pensyarah dan masih kurang menggunakan teknologi atau alat bantu mengajar (ABM). Pensyarah biasanya menggunakan bahan rujukan daripada kitab asal (thurath) sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) (Noor Naemah *at el*, 2008).

Sehubungan itu, ramai dalam kalangan pelajar sekolah mahupun universiti yang tidak mampu untuk mempraktikkan ilmu yang telah dipelajari dalam subjek Fiqh seterusnya tidak mampu memahami dan menangani isu-isu semasa yang berkaitan dengan saintifik seperti *deoxyribonucleic acid* atau DNA, bayi tabung uji

dan sebagainya. Isu-isu ini sememangnya memerlukan pemahaman asas Fiqh yang mendalam.

Seperti mana subjek sains, kejuruteraan dan teknologi serta Kemahiran Hidup yang telah mempunyai makmalnya yang tersendiri bagi meningkatkan kefahaman dalam kalangan pelajar, maka subjek Fiqh juga dilihat amat penting untuk dipelajari secara praktikal kerana Fiqh adalah perkara yang amat sehati dalam diri umat Islam terutamanya dalam melakukan ibadat dan muamalat.

Perkembangan Pengajian Islam seperti Fiqh dan Syariah harus diperluaskan skopnya meliputi kerja-kerja lapangan dan kajian makmal, bukan sekadar berbentuk teori, falsafah, kepustakaan dan *talaqi* seperti sedia ada semata-mata, bahkan penyediaan pusat penyelidikan atau makmal kajian intensif di pusat-pusat pengajian Syariah juga perlu dikembangkan seperti yang telah dicadangkan oleh Alias Azhar dan Rahimin Affandi Abdul Rahim (2010).

Oleh itu, penubuhan makmal Fiqh ini amat penting demi meningkatkan kefahaman dalam kalangan pelajar. Begitu juga di universiti, subjek-subjek teknikal dan kejuruteraan yang menggunakan pendekatan penglibatan aktif secara bersama sebagai salah satu daripada kaedah pembelajaran melalui pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman.

Dengan demikian, wujud keperluan untuk menggunakan pendekatan baru yang lebih kreatif dan efektif agar sistem pengajaran dan pembelajaran (P&P) diajar secara lebih menarik khususnya dalam menarik remaja masa kini yang lebih berminat untuk terlibat secara langsung atau secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PnP). Sistem baru ini sekiranya berjaya dibangunkan perlulah bersifat interaktif dan partisipasi bersama antara pelajar dan pensyarah yang mana guru atau pensyarah lebih berfungsi sebagai fasilitator.

Kajian terhadap penggunaan kaedah pembelajaran berasaskan masalah (*Problem Based Learning*) terhadap subjek Usul Fiqh menunjukkan kesan yang positif dalam pembelajaran serta membantu para pelajar untuk membina kemahiran berfikir dengan lebih kreatif dan kritikal hasil kajian oleh Irwan Mohd Subri *et al* (2007), maka kini pembelajaran dengan kaedah pembelajaran berasaskan pengalaman dalam subjek Pengajian Islam yang lain harus dilaksanakan untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif seterusnya dapat menambah kefahaman pelajar tentang subjek Fiqh dan Syariah. Dengan ini wujudnya keperluan untuk membina makmal Fiqh bagi memenuhi tuntutan pengajaran dan pembelajaran

(P&P) dalam Pengajian Islam amnya selaras dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran (P&P) masa kini.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian telah dibentuk bagi melaksanakan kajian ini dengan lebih terancang. Dengan adanya persoalan ini, proses memahami matlamat kajian akan terlihat dengan lebih jelas. Persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah kaedah yang diamalkan dalam pembelajaran fiqh berasaskan pengalaman di Universiti Awam Malaysia?
2. Apakah keperluan kerangka Makmal Fiqh yang sesuai untuk diaplikasikan di Universiti Awam Malaysia?
3. Apakah bentuk kerangka Makmal Fiqh yang sesuai untuk diaplikasikan?

1.5 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini ialah untuk mencadangkan kerangka pembangunan Makmal Fiqh sebagai satu kaedah pengaplikasian pembelajaran berasaskan pengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran (PnP) subjek Fiqh Ibadah secara praktikal untuk meningkatkan kefahaman dalam kalangan pelajar universiti.

1.6 Objektif Kajian

Matlamat utama kajian ini ialah untuk membangunkan satu kerangka Makmal Fiqh yang berkonsepkan ciri-ciri patuh Syariah dengan menekankan pengajaran dan pembelajaran (P&P) berdasarkan pengalaman atau *experiential learning* untuk


meningkatkan kefahaman dalam kalangan pelajar universiti. Bagi mencapai matlamat tersebut, maka kajian ini mensasarkan tiga objektif seperti berikut:

1. Mengenal pasti kaedah pembelajaran Fiqh berasaskan pengalaman yang terdapat di Universiti Awam Malaysia.
2. Mengenal pasti keperluan kerangka Makmal Fiqh berinovatif berasaskan konsep Fiqh Islam.
3. Mencadangkan kerangka Makmal Fiqh berinovatif untuk subjek Fiqh Ibadah.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan dengan memfokuskan kepada pembinaan kerangka makmal Fiqh Ibadah yang mempunyai skop yang meluas dan merangkumi pelbagai bidang dalam Pengajian Islam. Fiqh Ibadah dipilih kerana ia adalah satu ilmu yang wajib dipelajari dan dilaksanakan oleh setiap individu Muslim. Fiqh Ibadah juga menjadi ilmu fardhu ain kepada setiap Muslim kerana kesempurnaan ibadah itu amat penting dan dapat dicapai dengan mempelajari dan memahami seterusnya menghayati setiap perlakuan dalam ibadah tersebut.

Secara umumnya, setelah diteliti tajuk-tajuk yang terdapat dalam kitab-kitab Fiqh Ibadah, beberapa tajuk dilihat sesuai untuk dilaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) secara amali untuk meningkatkan kefahaman pelajar. Justifikasi pemilihan tajuk tersebut adalah berdasarkan hasil cadangan daripada temubual bersama pakar dalam bidang Fiqh dan Syariah serta analisis yang telah dilakukan oleh penyelidik terhadap buku-buku Fiqh. Tajuk-tajuk tersebut adalah seperti berikut:




Rajah 1.1: Tajuk-Tajuk Yang Terdapat Dalam Kitab-Kitab Fiqh Ibadah
(Sumber: Adaptasi Daripada Kitab *Fiqhul Manhaji*, 2014)

1.8 Kerangka Konsep

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan teori pembelajaran berasaskan pengalaman untuk menghasilkan satu inovasi baru iaitu kerangka Makmal Fiqh. Pembelajaran berasaskan pengalaman ialah mempelajari sesuatu secara praktikal melalui pengalaman. Pendekatan ini biasanya digunakan dalam makmal kerana sesuatu teori akan dipraktikkan dalam makmal untuk menguji keberkesanannya. Dalam aspek Pengajian Islam khususnya Fiqh Ibadah, sesuatu ilmu dipelajari secara

teori dalam kelas dan dapat dipraktikkan di satu tempat seperti makmal untuk menguji kefahaman pelajar.



Rajah 1.2: Kerangka Konsep Cadangan Penubuhan Makmal Fiqh
(Sumber: Olahan Pengkaji, 2014)

Rajah 1.2 menerangkan tentang teori pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman. Apabila proses pengajaran dan pembelajaran berlaku, pelajar akan dapat menjiwai (*feeling*) dan melihat sesuatu ilmu itu melalui proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam Makmal Fiqh. Seterusnya, pelajar akan melalui proses berfikir (*thinking*) terhadap apa yang dipelajari secara teori dan melakukan atau mempraktikkan (*doing*) terus apa yang telah dipelajari di dalam kelas dengan pemantauan guru sebagai fasilitator. Dalam teori pembelajaran berasaskan pengalaman, teknik pengajaran dan pembelajaran (P&P) adalah bersifat aktif dan melibatkan latihan amali dan praktikal. Maka, pembelajaran dan pembelajaran (P&P) yang bersifat latihan praktikal dan amali ini sesuai dilaksanakan di makmal yang memerlukan reka bentuk dan keperluan khusus untuk subjek Fiqh Ibadah.

1.9 Novelti Kajian

Kajian ini menghasilkan satu kerangka pembangunan Makmal Fiqh sebagai asas aplikasi pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman yang diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) subjek Fiqh Ibadah dalam membantu meningkatkan kefahaman pelajar tentang subjek ini.

Kesannya, impak yang lebih ketara kepada para pelajar yang mengikuti subjek Fiqh dapat dilihat kerana berpengalaman mengadakan aktiviti secara langsung dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) dengan pelaksanaan pendekatan baru ini.

1.10 Kepentingan Kajian

Terdapat banyak manfaat yang diperoleh daripada kajian ini. Pertamanya ialah pembangunan Makmal Fiqh ini adalah satu inovasi dan pendekatan baru dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) bagi subjek Pengajian Islam khususnya subjek Fiqh. Makmal Fiqh ini menerima pakai teori pembelajaran berasaskan pengalaman yang merupakan salah satu pendekatan pembelajaran mutakhir dalam sistem pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Selain itu, Makmal Fiqh ini juga merupakan satu kerangka inovasi untuk subjek-subjek Pengajian Islam khususnya Fiqh Ibadah dan ia penting dan setara dengan pengajaran dan pembelajaran (P&P) bagi disiplin ilmu-ilmu yang lain ke arah pembentukan peribadi pelajar yang bersifat holistik

1.11 Definisi Istilah

Kerangka

Kerangka menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2015) adalah falsafah yang mendasari sebuah pembentukan yang menghasilkan teori penyelidikan. Maksud bagi kerangka dalam kajian ini membawa makna kerangka pembangunan Makmal Fiqh yang akan dipersembahkan dalam bentuk rajah.

Makmal Fiqh

Makmal adalah sebuah ruang atau bangunan yang boleh menampung keperluan-keperluan operasi termasuklah untuk tujuan kajian projek dan keperluan dalam pekerjaan (De Chiara & Crosbie, 2000).

Makmal dalam kajian ini merujuk kepada satu ruang yang menempatkan peralatan dan objek khusus serta mempunyai ciri-ciri tertentu untuk pengajaran dan pembelajaran (P&P) subjek Fiqh Ibadah.

Universiti Awam Malaysia

Merujuk kepada Universiti Awam yang menawarkan program-program Pengajian Islam seperti Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Islam Antarabangsa di peringkat diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan Doktor Falsafah (PhD).

1.12 Struktur Tesis

Bab Satu

Bab ini mengandungi pendahuluan yang memperkenalkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, tujuan kajian, objektif kajian, skop kajian, kerangka konsep kajian, novelti kajian, kepentingan kajian serta definisi operasi.

Bab Dua

Bab Dua pula menghuraikan tentang pengenalan Pendidikan Islam dan teori pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman dalam penghasilan kerangka pembangunan Makmal Fiqh. Selain itu, bab ini memfokuskan kepada kajian literatur serta mengupas kajian penyelidik terdahulu dalam bidang subjek kajian. Seterusnya, bab ini akan mengenalpasti jurang kajian yang kemudiannya dijadikan sebagai permasalahan kajian yang menjadi fokus kepada subjek dalam kajian ini.

Bab Tiga

Bab Tiga membincangkan metodeologi kajian yang memfokuskan tentang reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, kaedah pengutipan data, kesahan dan kebolehpercayaan data serta analisis data kajian. Metodeologi yang

digunapakai dalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif yang disokong oleh pendekatan kuantitatif.

Bab Empat

Bab Empat memaparkan hasil kajian dan membincangkan hasil analisis data yang diperolehi daripada proses soal kaji selidik serta temubual. Analisis data dijalankan dengan menggunakan analisis deskriptif. Bab Empat juga mengulas perbincangan yang mendalam terhadap hasil analisis bagi menentukan keperluan terhadap cadangan penghasilan kerangka pembangunan Makmal Fiqh.

Bab Lima

Bab Lima dan bab yang terakhir ini merumus keputusan kajian dengan ulasan terhadap keputusan penting dengan merujuk kepada kerangka teoretikal pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman untuk menghasilkan kerangka pembangunan Makmal Fiqh yang sesuai dan digunapakai seterusnya melaporkan implikasi teori serta mengemukakan cadangan kajian lanjutan.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab Satu (1) telah membincangkan tentang latar belakang dan pengenalan kepada kajian pembinaan Makmal Fiqh di Universiti Awam Malaysia. Segala permasalahan dan persoalan kajian telah dikupas dan objektif kajian juga telah dibentuk.

Bab Dua (2) pula membincangkan tentang konsep Pendidikan Islam serta konsep Pengajian Islam. Setelah itu, perbincangan tentang proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) juga disentuh meliputi proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) subjek Fiqh, metode pengajaran dan pembelajaran (P&P) Fiqh pada zaman silam serta metode pengajaran dan pembelajaran (P&P) subjek Fiqh semasa. Seterusnya, konsep Fiqh Islam juga disentuh dengan membincangkan tentang pengertian Fiqh, pembahagian Fiqh serta perbezaan antara Fiqh dan Syariah. Teori pembelajaran berasaskan pengalaman turut dibincangkan dari perspektif Islam dan Barat. Seterusnya, penubuhan kerangka Makmal Fiqh dibincangkan dalam topik terakhir bab ini.

2.2 Konsep Pendidikan Islam

Pendidikan dalam bahasa Arab mempunyai beberapa istilah yang biasa digunakan; تعليم, تربية dan تأديب.

Istilah (تعليم) dinyatakan dalam al-Quran sebagaimana firman Allah S.A.W. dalam surah al-Baqarah, ayat 31:

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَٰؤُلَاءِ
إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

Maksudnya: Dan Allah mengajarkan kepada Adam segala nama kemudian Allah berfirman kepada malaikat, beritahulah Aku nama-nama semua itu jika kamu benar.

Manakala istilah تربية yang membawa maksud pendidikan juga ada dinyatakan dalam surah al-Isra' ayat 24:

وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيْتَانِي صَغِيرًا

Wahai Tuhanku, sayangilah keduanya sebagaimana mereka mendidikku sewaktu kecil.

Istilah تأديب pula ada dinyatakan dalam hadis Nabi Muhammad S.A.W:

أَدَّبَنِي رَبِّي فَأَحْسَنَ تَأْدِيبِي

Allah mendidikku, maka Allah memberikan kepadaku sebaik-baik pendidikan

(Hadis Riwayat Ibnu Hibban)

Ketiga-tiga istilah ini membawa maksud yang sama iaitu pendidikan atau mendidik. Bagaimanapun, menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1980), beberapa orang tokoh sarjana menyatakan bahawa *تعليم* membawa maksud ajaran, lebih sempit dari pendidikan malah *تعليم*, dan *تأديب* juga hanyalah sebahagian daripada pendidikan.

Istilah *تربية* pula membawa maksud yang lebih luas dengan membawa maksud memelihara, menternak, membela dan juga mendidik. Ini bermakna, *تربية* juga digunakan untuk tumbuhan dan haiwan sedangkan pendidikan hanyalah khusus untuk manusia.

Namun, istilah *تأديب* yang berasal daripada perkataan *ad-daba* (أَدَب) bermaksud mengajar. Istilah ini lebih sesuai dan tepat untuk digunakan sebagai pendidikan, malah *تأديب* membawa maksud lebih daripada mengajar semata-mata dan meliputi istilah *تعليم* dan *تربية*. Menurut al-Attas juga, *تأديب* mempunyai hubungan yang erat dengan konsep ilmu dalam Islam yang termasuk dalam isi pendidikan (Hassan Langgulung, 1991).

Istilah pendidikan apabila digabungkan dengan istilah Islam akan memberi definisi yang berbeza. Pendidikan Islam dapat didefinisikan sebagai cara hidup yang sempurna yang mempunyai keseimbangan antara pembinaan akal, roh dan jasad; antara ilmu, iman dan antara pemikiran dan kehidupan. Kepentingan pendidikan ini adalah pendidikan yang dapat menyerap ilmu pengetahuan ke dalam bentuk teori serta melakukan latihan dalam bentuk praktis bagi membentuk peribadi dan watak serta mencungkil bakat yang terpendam. Budaya Islam juga menganggap ilmu sebagai suatu keutamaan tertinggi dalam sistem nilai peribadi dan masyarakat di setiap peringkat kehidupan. Budaya ilmu dalam Islam melibatkan dua keadaan; (i) usaha menimba ilmu dan (ii) mempraktikkan ilmu tersebut dalam kehidupan (Mohd Liki Hamid, 2002). Ini menunjukkan betapa ilmu itu amat penting untuk dipraktikkan setelah dipelajari.

Berikut adalah definisi pendidikan Islam yang telah dinyatakan oleh beberapa cendekiawan Islam (Mohd Roslan Mohd Nor & Wan Mohd Tarmizi Wan Othman, 2011).

Jadual 2.1: Definisi Pendidikan Islam oleh Tokoh-Tokoh

| Bil | Definisi | Nama Tokoh |
|-----|---|------------------------------|
| 1. | Pendidikan Islam adalah satu kefahaman terhadap ajaran Islam yang membawa seorang manusia kepada menjauhi diri dari sifat-sifat tercela dan mendekati diri dengan sifat-sifat terpuji. | Hasan al-Sharqawi |
| 2. | Pendidikan Islam adalah proses membina individu dan masyarakat berdasarkan paksi Islam sama ada dalam aspek pegangan, pemikiran mahupun perbuatan. | Fathi Yakan |
| 3. | Pendidikan Islam adalah berusaha untuk menyediakan dan membentuk anak didik agar menjadi anggota masyarakat yang baik dan menjadi manusia yang soleh dalam kehidupan ini. | Abdullah Nasih Ulwan |
| 4. | Pendidikan Islam sebagai proses melatih dan mempertingkatkan rohani, jasmani dan akal manusia berasaskan kepada nilai-nilai yang bersumberkan wahyu seperti al-Quran dan al-Sunnah untuk melahirkan manusia yang bertaqwa dan sentiasa mengabdikan diri kepada Allah. | Abdul Halim El- Muhammady |
| 5. | Pendidikan Islam sebagai proses yang dilalui oleh anak didik dengan bimbingan yang dilakukan secara sengaja oleh si pendidik untuk mencapai tujuan membentuk muslim berdasarkan ajaran-ajaran Islam. | Abdul Halim Mat Diah |
| 6. | Pendidikan Islam adalah suatu proses bagi melatih dan mendidik akal, jasmani, rohani dan nilai kemasyarakatan serta akhlak manusia berasaskan nilai-nilai Islam yang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah dalam usaha melahirkan manusia yang sempurna dan bertaqwa kepada Allah s.w.t. | Abdullah Ishak |
| 7. | Pendidikan Islam sebagai rangkaian proses yang sistematik, terencana dan komprehensif dalam usaha mentafsirkan nilai-nilai kepada anak didik, mengembangkan potensi yang ada pada diri anak didik sehingga anak didik mampu melaksanakan tugasnya di muka bumi dengan sebaik-baiknya sesuai dengan nilai-nilai ketuhanan yang didasarkan pada ajaran agama dalam semua aspek kehidupan. | Shamsul Nizar |
| 8. | Pendidikan Islam adalah segala bentuk pengajaran dan pendidikan yang diterima oleh umat Islam yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. | Ghazali Darussalam |

Sumber: Adaptasi daripada Mohd Roslan Mohd Nor & Wan Mohd Tarmizi Wan Othman (2011).

Daripada himpunan ini, definisi Pendidikan Islam yang dinyatakan di atas, maka dapat disimpulkan bahawa Pendidikan Islam sebagai satu proses mendidik manusia untuk menjalani kehidupan yang lebih baik dengan ilmu yang ada berdasarkan ajaran agama Islam.

Menurut Alias dan Rahimin Affandi (2010), matlamat pelaksanaan sistem pendidikan Islam adalah untuk memberikan kemahiran, pengetahuan dan membangunkan insan yang bertakwa kepada Allah S.W.T. Tugas pendidik pengajian Islam masa kini terutamanya dalam bidang Syariah adalah lebih bertumpu kepada pembangunan intelektual para sarjana dan tidak hanya sekadar menjurus kepada pemindahan maklumat semata-mata namun meliputi aspek pembentukan para sarjana Syariah untuk memiliki nilai intelektual semasa.

2.3 Konsep Pengajian Islam

Pendidikan Islam telah lama sampai ke Malaysia dan telah melalui tempoh masa yang panjang sejak kedatangan agama Islam ke Nusantara. Namun, Pendidikan Islam meliputi konsep yang luas. Oleh itu, Pengajian Islam telah dibentuk untuk memudahkan proses pendidikan dijalankan. Pendidikan Islam telah diajar dan dipelajari dengan memfokuskan kepada ilmu Pengajian Islam. Perkembangan ilmu Pengajian Islam di Malaysia melibatkan pelbagai institusi Pendidikan Islam. Institusi-institusi tersebut adalah institusi pondok, sekolah, kolej Islam Malaya, kolej universiti serta universiti (Zakaria Stapa, 2010).

Pengajian Islam yang diajar di Universiti Awam Malaysia adalah satu usaha berterusan untuk mencapai matlamat dalam mengintegrasikan prinsip Pengajian Islam abadi dengan perkembangan dunia sains dan teknologi dan kehidupan moden. Subjek-subjek utama yang difokuskan dalam Pengajian Islam di Universiti Awam Malaysia seperti pengajian tafsir Al-Quran, pengajian Hadis, pengajian Akidah dan pengajian Pemikiran Islam (Mazlan Ibrahim & Latifah Abdul Majid, 2013).

Bagaimanapun, untuk memastikan matlamat pelaksanaan Pendidikan Islam tercapai, proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) amat dititik beratkan untuk menjamin ilmu dapat disampaikan dengan berkesan. Hal ini disokong oleh kenyataan bahawa proses pengajaran merupakan suatu seni kerana dalam proses pengajaran itu, seseorang guru perlu kreatif kerana guru yang kreatif akan menjadikan pengajaran lebih menarik dan berkesan (Ab Halim Tamuri, 2007). Pengajaran merupakan satu proses yang mempunyai matlamat dan tujuan. Dengan demikian, proses pengajaran dikira berjaya apabila matlamat dan tujuannya tercapai.

2.4 Proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)

Sesuatu maklumat atau pelajaran dapat disampaikan apabila wujud proses yang dipanggil pengajaran dan pembelajaran (P&P). Pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam sesebuah universiti sentiasa mengalami evolusi dan sejajar dengan keperluan semasa (Muhd Fauzi Aminuddin, *et al*). Strategi pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berkesan mempunyai tiga komponen yang penting iaitu berpusatkan pensyarah, berpusatkan pelajar dan berpusatkan bahan pengajaran (Mohamad Khirudin, 2011).

Pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berpusatkan pensyarah adalah strategi yang telah lama dipraktikkan dan dikenali sebagai pembelajaran secara tradisional. Strategi ini memerlukan pensyarah untuk memainkan peranan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) ini. Pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berpusatkan pelajar pula adalah strategi yang memerlukan pelajar memainkan peranan utama dan penting. Manakala pensyarah hanya akan bertindak sebagai pembimbing. Proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) ini menjadikan pengajaran dan pembelajaran menjadi aktif dengan penyertaan dua pihak iaitu pensyarah dan pelajar. Pengajaran dan pembelajaran (P&P) berpusatkan bahan pelajaran pula bermaksud menjadikan bahan pelajaran sebagai komponen utama proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Kebanyakan pendidik memilih untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berpusatkan guru atau pensyarah kerana ingin memenuhi keperluan peperiksaan dan menyesuaikan dengan sistem pendidikan di Malaysia yang menekankan kepada pencapaian akademik (Mladenovic, 2000). Oleh itu, kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang hanya berpusatkan guru semata-mata gagal dalam melatih pelajar kemahiran utama seperti kemahiran berfikir, kemahiran komunikasi serta kemahiran menyelesaikan masalah (Foster, 1995 & Gabbin, 2002).

Definisi pengajaran yang diberikan oleh Wan Zah Wan Ali (2000) adalah satu proses dua hala antara pensyarah dan pelajar dalam memahami pelbagai pengetahuan yang diperlukan bagi membina manusia sebenar. Beliau mengkategorikan pengajaran kepada empat iaitu menyampaikan maklumat, memindahkan maklumat, mendorong pembelajaran dan membina manusia yang baik. Secara keseluruhannya proses pengajaran amat perlu untuk menyampaikan sejumlah maklumat yang akan dijadikan pengalaman yang terbaik dan bermutu oleh pelajar.

Pembelajaran pula adalah satu proses yang melibatkan segala perubahan tingkah laku akibat daripada pengalaman yang berulang, latihan atau interaksi dengan persekitaran. Perubahan tingkah laku ini akan berlaku apabila hasil daripada kefahaman terhadap maklumat, latihan, pengalaman, celik akal dan cuba jaya (Mohamad Khirudin, 2011). Ini menunjukkan proses kefahaman terhadap maklumat itu penting seterusnya melalui maklumat, latihan dapat dilaksanakan melalui amali atau percubaan cuba jaya yang pastinya akan menghasilkan satu pengalaman buat pelajar tersebut. Proses pembelajaran ini mewakili pelajar kerana proses ini melibatkan penerimaan pelajar terhadap ilmu atau maklumat yang dipelajari.

Kenyataan ini disokong oleh Salvin (1997), Mazur (1990) dan Rocklin (1987) bersetuju bahawa pembelajaran melibatkan pengalaman yang telah dilalui oleh pelajar tersebut. Pakar dalam bidang kaedah pengajaran iaitu Bourne (1997) menyatakan bahawa terdapat enam matlamat pengajaran dan pembelajaran yang perlu dicapai di Universiti Awam Malaysia. Enam matlamat tersebut adalah:

1. Penyebaran pengetahuan terkini;
2. Pembangunan kemahiran menggunakan idea dan maklumat;
3. Pembangunan kemahiran mencari idea dan bukti;

4. Pembangunan kemahiran menjana idea dan bukti;
5. Pembangunan peribadi pelajar; dan,
6. Pembangunan kemahiran untuk merancang dan mengurus kemahiran pembelajaran sendiri.

Sungguhpun demikian, kaedah pengajaran tradisional melalui penyampaian pelajaran dalam kuliah sahaja hanya mampu dan berkesan untuk matlamat pertama sahaja iaitu penyebaran pengetahuan terkini. Ini tidak mencapai matlamat dan objektif pengajaran dan pembelajaran (P&P) keseluruhannya untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) berkesan dan mendatangkan manfaat kepada pelajar. Bourne (1997) juga mencadangkan untuk mencapai kesemua matlamat dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) memerlukan penggunaan pelbagai kaedah penyampaian. Cadangan kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah seperti berikut:

Jadual 2.2: Cadangan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran oleh Bourne (1997)

| Bil | Matlamat | Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran |
|------------|---|---|
| 1. | Penyebaran Pengetahuan Terkini | Kuliah |
| 2. | Pembangunan Kemahiran Menggunakan Idea dan Maklumat | Kajian Kes |
| 3. | Pembangunan Kemahiran Mencari Idea dan Bukti | Penilaian Kritikal |
| 4. | Pembangunan Kemahiran Menjana Idea dan Bukti | Sumbang Saran |
| 5. | Pembangunan Peribadi Pelajar | Main Peranan |
| 6. | Pembangunan Kemahiran Untuk Merancang dan Mengurus Kemahiran Pembelajaran Kendiri | Disertasi |

2.4.1. Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Fiqh

Subjek Fiqh adalah subjek wajib untuk para pelajar Pengajian Islam khususnya program Syariah. Terdapat pelbagai bidang Fiqh yang telah ditetapkan oleh pihak fakulti kepada para pelajar sebagai subjek wajib fakulti. Senarai subjek Fiqh adalah seperti berikut:

Jadual 2.3: Senarai Subjek Fiqh Yang Diambil Oleh Pelajar Syariah Di IPTA

| UNIVERSITI/SUBJEK FIQH | Fakulti Pengajian Islam (Jabatan Syariah), Universiti Kebangsaan Malaysia | Fakulti Syariah & Undang-undang (Jabatan Fiqh & Fatwa), Universiti Sains Islam Malaysia | Akademi Pengajian Islam (Jabatan Syariah, program Fiqh dan Usul), Universiti Malaya | Kuliyah Islamic Revealed Knowledge And Human Science(Jabatan Syariah, Program Fiqh dan Usul) |
|---------------------------|--|--|---|--|
| Fiqh Ibadat | / | / | / | / |
| Fiqh Munakahat | / | / | / | / |
| Fiqh Muamalat (I & II) | / | / | / | / |
| Fiqh Jinayat | / | / | / | / |
| Fiqh Al- Mawarith | / | / | / | / |
| Persoalan Fiqh Semasa | / | / | / | / |
| Usul Fiqh I | / | / | / | / |
| Usul Fiqh II | / | / | / | / |
| Kaedah-kaedah Fiqh | / | / | / | / |
| | | (Al-Fiqh al-Muasir) | | |
| | | (Al-Qawaid al Fihiyyah) | | |

Sumber: Olahan penyelidik (2014)

Jadual 2.3 menunjukkan bahawa subjek Fiqh Ibadah menjadi subjek wajib yang dipelajari oleh para pelajar jurusan Syariah di empat Universiti Awam Malaysia; Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di samping subjek-subjek Fiqh yang lain.

2.4.2 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Fiqh Zaman Silam

Kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) Fiqh zaman silam dipelopori oleh cendekiawan Islam seperti Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafie, Imam Ahmad, Imam Ghazali dan Ibnu Khaldun. Para cendekiawan tersebut mempunyai dan menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran (P&P) tersendiri untuk memastikan penyampaian ilmu lebih berkesan.

2.4.2.1 Imam Abu Hanifah

Imam Abu Hanifah atau Nu'man bin Thabit al-Farisy adalah perintis ilmu Fiqh yang mengambil inisiatif untuk mengumpul dan menyusun ilmu Fiqh menurut bab dan fasal tertentu. Bab-bab ini bermula dengan Bab Taharah, Bab Solat, Bab Permasalahan Ibadah, Bab Muamalat dan diakhiri dengan Bab Mirath (harta pusaka) (Abu Zahrah, 1997). Pelaksanaan yang dilakukan oleh Imam Hanafi ini telah memudahkan generasi selepasnya untuk mempelajari ilmu Fiqh secara tersusun dan sistematik.

Imam Abu Hanifah telah mengaplikasikan metode dan teknik pengajaran tersendiri yang berkesan dalam melahirkan para pelajar yang berjaya menyumbang ilmu kepada masyarakat serta generasi selepasnya. Beliau menggunakan pendekatan yang tidak bercorakkan penyampaian ilmu sehala semata-mata namun banyak mengamalkan metode berdiskusi dalam kelas dengan mengajak para pelajarnya turut serta memberikan pendapat serta alasan dalam sesuatu isu yang dibangkitkan bagi mengukuh dan

memantapkan ilmu yang dipelajari. Beliau juga menggalakkan para pelajarnya untuk berfikiran terbuka dan mencari dalil dan alasan bagi setiap persoalan tanpa bersikap mengikut semata-mata atau bertaklid buta (Mohammad Aizuddin & Mohd Azmir Nizah, 2012).

Imam Abu Hanifah juga berusaha melaksanakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran dua hala kepada para pelajarnya melalui soal jawab persoalan atau isu yang diajukan dengan memanggil dan menggalakkan para pelajarnya untuk turut sama menjawab dan bermuzakarah bersamanya dalam mencari jawapan kepada sesuatu isu yang berlaku. Beliau juga akan mengajak para pelajarnya untuk berbincang dalam mencari *illah* (sebab) bagi sesuatu hukum untuk disesuaikan dengan permasalahan jika dibentangkan atau didatangkan sesuatu hadis kepada beliau yang kini dinamakan ilmu Fiqh. Imam Abu Hanifah ada mengatakan bahawa:

Perumpamaan seseorang yang mempelajari hadis tanpa fiqh, seumpama pengumpul ubat yang tidak mengetahui kegunaan ubat-ubatan yang dikumpulnya.

(Abu Zahrah, 1997)

Pendekatan pengajaran lain yang digunakan oleh Imam Abu Hanifah adalah seperti pendekatan mujadalah (perdebatan), menyelesaikan masalah, nasihat, contoh teladan yang baik, syarahan atau ceramah dan latihan (Mohamad Yusof, 2013). Proses dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran ini telah menjadikan para pelajarnya mampu menjadi generasi ilmu yang berpengetahuan tinggi.

Mohammad Aizuddin dan Mohd Azmir (2012) menyatakan bahawa pendekatan yang dilaksanakan oleh Imam Abu Hanifah ini merupakan perintis kepada teori pembelajaran terkini yang dinamakan sebagai Pembelajaran Berteraskan Hasil (OBE). Pendekatan ini mempunyai tiga asas utama iaitu:

a. Fokus yang Jelas

Pengajar harus mempunyai dan meletakkan fokus yang jelas yang perlu dicapai oleh pelajar. Imam Abu Hanifah meletakkan tujuan pendidikan beliau bermatlamat untuk menjadikan para pelajarnya golongan yang benar-benar memahami syariat Allah S.W.T. kerana dengan kefahaman yang jitu memungkinkan para pelajarnya mewarisi sifat para ulama sebelum mereka yang mempunyai kebolehan dan kemampuan berijtihad terhadap isu-isu atau permasalahan baru dan mengeluarkan para pelajarnya daripada kepompong taklid buta.

b. Mereka bentuk Semula

Satu sistem kurikulum dibentuk supaya fokus-fokus yang diletakkan oleh pengajar dapat dicapai oleh para pelajar. Imam Abu Hanifah telah melaksanakannya dengan membukukan dan menyusun ilmu Fiqh mengikut bab dan fasal tertentu yang tidak pernah dilakukan oleh orang-orang sebelumnya.

c. Ekspektasi yang Tinggi

Ekspektasi pengajar terhadap pelajar dengan meletakkan harapan yang tinggi dapat mendorong pelajar untuk berjaya. Imam Abu Hanifah banyak membantu para pelajarnya yang hidup dalam kemiskinan dan sukar untuk menuntut ilmu dengan membiayai perbelanjaan harian pelajarnya serta memberikan motivasi untuk berjaya dalam kehidupan dengan ilmu.

d. Peluang yang Luas

Asas ini meletakkan bahawa semua pelajar mempunyai peluang untuk belajar dan berjaya. Imam Abu Hanifah melaksanakan pengajaran ilmunya di Masjid Baghdad yang membuka peluang kepada masyarakat untuk menuntut ilmu.

RUJUKAN

- Ab. Halim, Tamuri (2007). *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Dalam Membangunkan Masyarakat Islam Hadhari*. Penerbit Universiti Malaya.
- Abd. Rahim, R. A., Ismail, P., Mohamad, S., Dahlal, N. H. & Nordin, B. (2008). Paradigma Pemikiran Pengajian Islam Semasa: Analisis Pedagogi, *Journal of Ethics, Legal and Governance*, 4, 13-34.
- Abd. Rahim, R. A., Omar, L., Abd Kadir, N. A. & Dahlal, N. H. (2009). Kemahiran Insaniah Di Institusi Pengajian Tinggi Awam Islam Malaysia Dan Indonesia: Satu Analisis Perbandingan. *Journal of Southeast Asian Studies*, 14.
- Abdul Rahman, N. N., Ali, A. K., Ramli, R. & Ismail, M. S. (2008). The Teaching And Learning Of Usul Al fiqh In Public Universities In Malaysia: Reality And Challenges, *Jurnal Syariah*, 16, 523-536.
- Abdul Rahman, N. N., Jamaludin, M. A. & Ramli, M. A (2013). Pendekatan Wasatiyyah (Sederhana) Dalam Pembinaan Fiqh Kontemporari. *Seminar Isu-Isu Kontemporari Dalam Mazhab Shafi'i*. Universiti Malaya. p. 139-155.
- Abdullah, A. B., Ramli, M. A., Jamaludin, M. A., Marinsah, S. A. & Mohd Nor, M. R. (2013). Postmodernism Approach in Islamic Jurisprudence (Fiqh). *Middle-East Journal of Scientific Research* 13 (1), p. 33-40.
- Abonyi, Okechukwu (2013). Effects of Experiential Learning Strategy on Secondary School Students' Achievement In Biology Conference. *World Conference on Science and Technology Education*. Ebonyi State University.